Archer Daniels Midland Co lwn TTH Global (M) Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO 24NCC(ARB)-51–12 TAHUN 2015
HAS ZANAH MEHAT H
28 OGOS 2016

Timbang Tara — Award — Penguatkuasaan — Penimbang tara memberi award kepada pemohon atas kegagalan responden membayar jumlah tertunggak berdasarkan kontrak antara pemohon dan responden — Mahkamah menguatkuasakan award berdasarkan s 38 Akta Timbang Tara 2005 — Sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar kes — Sama ada alasan di bawah s 39 Akta telah dipenuhi — Sama ada perintah penguatkuasaan wajar diketepikan — Sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mengetepikan award — Akta Timbang Tara 2005 ss 38 & 39

Responden telah menandatangani sepuluh kontrak bersama pemohon untuk membeli 'US Corn Gluten Meal' dan 'US Distillers Grains' daripada pemohon. Di atas kegagalan responden untuk membayar jumlah tertunggak pembelian tersebut, pemohon telah merujuk perkara tersebut kepada 'Grain and Feed Trade Association' ('GAFTA') yang telah melantik seorang penimbang tara di bawah fasal 22 dan 26 Kaedah-Kaedah Timbang Tara No 125 GAFTA. Penimbang tara tersebut kemudian telah memberikan award yang memihak kepada pemohon. Seterusnya pemohon telah memohon melalui saman pemula ex parte untuk menguatkuasakan award tersebut di bawah s 38 Akta Timbang Tara 2005 ('Akta') dan permohonan tersebut telah dibenarkan oleh mahkamah ini ('perintah ex parte'). Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, responden telah memfailkan tiga permohonan melalui lampiran 8, 10 dan 12 dalam tindakan ini. Melalui lampiran 8, pemohon telah memohon untuk memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi Shah Alam dengan alasan bahawa tiada apa-apa fakta yang mengaitkan kes di Kuala Lumpur. Lampiran 10 pula telah difailkan bagi memohon agar perintah ex parte yang diberikan oleh mahkamah diketepikan dengan alasan ia tidak di isukan atas nama Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya lampiran 12 adalah permohonan responden untuk mengetepikan award tersebut atas alasan terdapat isu undang-undang berkenaan bidang kuasa dan fakta yang patut dibicarakan.

Diputuskan, menolak ketiga-tiga permohonan responden dengan kos masing-masing sebanyak RM2,000 bagi lampiran 8, RM4,000 bagi lampiran 10 dan RM2,000 bagi lampiran 12:

(1) Oleh kerana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Shah Alam berada di bawah Mahkamah Tinggi Malaya, maka Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mempunyai bidang kuasa mendengar permohonan yang telah difailkan oleh pemohon dan berikutnya permohonan yang difailkan oleh responden. Tambahan lagi, responden juga tidak mengemukakan bukti bahawa pendengaran permohonan di Kuala Lumpur akan memprejudiskan responden (lihat perenggan 14).

(2) Mahkamah hanya boleh menolak permohonan untuk mengiktiraf dan menguatkuasakan award sekiranya memenuhi alasan-alasan yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan s 39 Akta. Berdasarkan afidavit responden, tiada satu pun alasan seperti yang disenaraikan dalam s 39 Akta dinyatakan dan disokong oleh apa-apa keterangan. Oleh itu, tiada alasan bagi mahkamah untuk mengetepikan perintah pengiktirafan dan penguatkuasaan yang telah diberi terdahulu yang telah memenuhi keperluan seperti yang diperuntukkan oleh s 38 Akta (lihat perenggan 18–19).

(3) Permohonan untuk mengetepikan award dalam kes ini adalah sepatutnya difailkan di England. Oleh kerana permohonan yang dibuat oleh responden adalah di Kuala Lumpur, Malaysia, bukan di England iaitu tempat di mana prosiding timbang tara dijalankan, maka mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut (lihat perenggan 24).

[English summary

The respondent executed ten contracts with the applicant for the purchase of 'US Corn Gluten Meal' and 'US Distillers Grains' from the latter. Due to the respondent's failure to pay the owing sum for the said purchase, the applicant referred the matter to the 'Grain and Feed Trade Association' ('GAFTA') which appointed an arbitrator under cll 22 and 25 of the Abitration Rules No 125 GAFTA. The arbitrator made the award in favour of the applicant. The applicant prayed, by way of an ex parte originating summons to enforce the award under s 38 of the Arbitration Act 2005 ('the Act') and the said application was allowed by the court ('the ex parte order'). Dissatisfied with the said decision, the respondent filed three applications under encl 8, 10, and 12 in this action. By way of encl 8, the applicant sought to transfer the case to the Shah Alam High Court on the ground that it bore no facts related to the case in Kuala Lumpur. Enclosure 10 was filed to set aside the ex parte application granted by the court on the ground that it was not issued under the name of the Yang di-Pertuan Agong. Further, encl 12 was the respondent's application to set aside the award on the ground that there were triable legal issues concerning jurisdiction and facts.

Held, dismissing respondent's three application with costs of RM2,000 for encl 8; RM4,000 for encl 10; and RM2,000 for encl 12:

(1) Since the Kuala Lumpur and Shah Alam High Court are under the jurisdiction of the High Court of Malaya, the Kuala Lumpur High Court had the jurisdiction to hear the application filed by the applicant and in subsequent to that, the application filed by the respondent. Furthermore, the respondent did not adduce evidence that the hearing application in Kuala Lumpur would prejudice the respondent (see para 14).

(2) The court could only dismiss the application to acknowledge and enforce the award if the ground stated in the paragraphs under s 39 of the Act is fulfilled. Based on the respondent's affidavit, there was no reason as listed in s 39 of the Act that was stated and supported by any evidence. Therefore, there was not reason for the court to set aside the acknowledgement and enforcement order which was given earlier and which had fulfil the requirements provided by s 38 of the Act (see paras 18–19).

(3) The application to set aside the award in this case should have been filed in England. Since the application was made by the respondent in Kuala Lumpur, Malaysia, and not in England where the arbitration proceeding was carried out, the court did not possess the jurisdiction to hear the said application (see para 24).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penguatkuasaan, lihat 1(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1826–1843.

Kes-kes yang dirujuk

Malacca Securities Sdn Bhd v Loke Yu [1999] 6 MLJ 112; [1998] 3 CLJ 22, MT (dirujuk)

Government of India, The v Cairn Energy India Pty Ltd & Anor [2011] 6 MLJ 441; [2012] 3 CLJ 423, MP (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 4, 7(1), 39
Akta Timbang Tara 2005 s 38
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 57, A 69 k 8(3), Borang 6

Lee Shih (Amy Huew bersamanya) (Skrine & Co) bagi pihak pemohon.
Saran Singh (Saran Singh & Co) bagi pihak responden.

Has Zanah Mehat H:

PENGENALAN

[1] Pemohon telah memfailkan permohonan melalui saman pemula ex parte di bawah s 38 Akta Timbang Tara 2005 ('Akta') untuk menguatkuasakan

award timbang tara bertarikh 16 Julai 2015 yang disampaikan oleh seorang penimbang tara, Roger Rookes ('penimbang tara') di England ('award'), mengikut Kaedah-kaedah Timbang Tara No 125 'Grain and Feed Trade Association' ('Kaedah-Kaedah GAFTA').

[2] Award tersebut adalah seperti berikut:

(a) responden hendaklah membayar US$2,654,804.06 kepada pemohon;

(b) responden hendaklah membayar kepada pemohon faedah terhadap jumlah US$2,654,804.06 pada kadar 4% setahun, dikompaun tiga bulan sekali ('*compounded three-monthly*') dari 6 Februari 2015 sehingga tarikh pembayaran; dan

(c) responden hendaklah membayar balik dan membayar pemohon jumlah sebanyak GBP 4,860 untuk yuran dan perbelanjaan penimbang tara.

[3] Pihak-pihak dalam penghakiman ini akan dirujuk seperti pihak-pihak dalam saman pemula.

[4] Mahkamah telah membenarkan permohonan tersebut pada 19 Januari 2016 kerana pemohon telah mematuhi s 38 Akta iaitu:

(a) membuat permohonan secara bertulis;

(b) telah mengemukakan salinan award yang sempurna diperakukan;

(c) salinan perjanjian timbang tara yang telah diperakukan;

(d) mematuhi tafsiran di bawah s 4 Akta di mana award dari negara asing iaitu England, United Kingdom adalah negara yang merupakan pihak kepada Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbang Tara Asing yang diterima pakai oleh Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Timbang Tara Perdagangan Antarabangsa pada tahun 1958; dan

(e) mematuhi A 69 k 8(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dengan memfailkan afidavit dan keterangan bertulis termasuk dokumen-dokumen seperti di perenggan 4(b) dan (c) di atas.

[5] Walau bagaimanapun, responden pada 2 Februari 2016 telah memfailkan tiga permohonan secara berasingan di lampiran 8, 10 dan 12 seperti berikut:

(a) lampiran 8, permohonan responden supaya prosiding ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam atas alasan-alasan sepertimana di afidavit sokongan (lampiran 9) iaitu:

(i) responden adalah sebuah syarikat yang mempunyai alamat dan

menjalankan perniagaan di Petaling Jaya;

(ii) tiada fakta dalam kes ini berkaitan dengan Kuala Lumpur; dan

(iii) mahkamah yang sesuai mendengar kes ini ialah Mahkamah Tinggi Shah Alam dan tiada alasan mengapa Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur patut mendengar kes ini.

(b) lampiran 10, permohonan responden supaya perintah ex parte bertarikh 19 Januari 2016 diketepikan dan/atau dibatalkan atas alasan-alasan seperti mana di afidavit sokongan (lampiran 11) iaitu:

(i) prosiding ini adalah *'nullity' ab initio* kerana saman pemula tidak dikeluarkan atas nama Yang Dipertuan Agong;

(ii) terdapat isu undang-undang, fakta dan tuntutan balas yang bermerit yang patut dibicarakan; dan

(iii) award timbang tara yang dikeluarkan di luar negara adalah tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan di negara ini;

(c) lampiran 12, permohonan responden supaya award diketepikan dan/atau dibatalkan atas alasan sepertimana di afidavit sokongan (lampiran 13) iaitu:

(i) terdapat isu fakta dan undang-undang berkenaan dengan bidang kuasa yang patut dibicarakan.

[6] Mahkamah pada 15 Mac 2016 telah mendengar ketiga-tiga permohonan dan telah membuat perintah seperti berikut:

(a) permohonan responden di lampiran 8 ditolak dengan kos sebanyak RM2,000 kepada pemohon;

(b) permohonan responden di lampiran 10 ditolak dengan kos sebanyak RM4,000 kepada pemohon; dan

(c) permohonan responden di lampiran 12 ditolak dengan kos sebanyak RM2,000 kepada pemohon.

Responden tidak berpuas hati terhadap keputusan-keputusan berkenaan dan telah merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap ketiga-tiga keputusan dalam lampiran 8, 10 dan 12. Berikut adalah alasan saya terhadap keputusan-keputusan berkenaan.

FAKTA DAN LATAR BELAKANG

[7] Pemohon merupakan sebuah syarikat yang didaftarkan di State of Delaware, Amerika Syarikat dan responden merupakan sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia dan mempunyai alamat perniagaan di Petaling Jaya, Selangor.

[8] Responden telah gagal untuk membuat pembayaran jumlah tertunggak ke atas sepuluh kontrak yang dimasuki antara pemohon dan responden di mana responden telah bersetuju untuk membeli sejumlah *US Corn Gluten Meal dan US Distillers Grains, CFR (Cost and Freight)* Malaysia, FOB ('*Free on Board*') Malaysia atau FOB Malaysia/Indonesia. Responden telah tidak membuat pembayaran kepada pemohon untuk tuntutan terakhir sebanyak US$2,654,804.06.

[9] Pemohon seterusnya telah pada 24 Februari 2015 merujuk perkara berkenaan kepada timbang tara di bawah fasal 22 dan 26 GAFTA 88 *form of contract* yang telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada fasal kontrak di antara pemohon dan responden. Pemohon telah meminta persetujuan responden untuk melantik seorang penimbang tara. Apabila tidak mendapat maklum balas daripada responden, pemohon telah meminta GAFTA melantik seorang penimbang tara di bawah Kaedah-Kaedah GAFTA dan Roger Rookes telah dilantik sebagai penimbang tara tunggal. Berdasarkan fasal 1 Kaedah-Kaedah GAFTA tempat timbang tara yang mempunyai bidang kuasa ialah di England. Fasal 1.2 memperuntukkan seperti berikut:

> 1.2 The juridical seat of the arbitration shall be, and is hereby designated pursuant to section 4 of the Arbitration Act 1996 as, England.

[10] Pada 16 Julai 2015, penimbang tara telah memberi award seperti di perenggan 2 di atas. Award tersebut telah dipohon oleh pemohon untuk diiktiraf dan dikuatkuasakan berdasarkan s 38 Akta melalui lampiran 2.

KEPUTUSAN

Lampiran 8 — Permohonan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi Shah Alam

[11] Responden menghujahkan bahawa tiada sebarang fakta yang mengaitkan kes di Kuala Lumpur. Tambahan pula award telah dibuat di England, United Kingdom dan pelanggaran kontrak berlaku di Selangor di mana tempat beroperasinya perniagaan responden.

[12] Responden menyatakan bahawa di bawah A 57 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, mahkamah seharusnya mengambil kira fakta-fakta berikut:

(a) di mana kausa tindakan bermula;

(b) di mana defendan bermastautin atau tempat perniagaannya; dan

(c) kausa tindakan yang berlaku di Selangor di mana tempat perniagaan defendan beroperasi.

[13] Pemohon menghujahkan bahawa permohonan responden untuk memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi Shah Alam adalah tidak diperlukan *(unnecessary)* memandangkan responden sendiri telah memilih untuk memfailkan permohonan untuk mengetepikan dan/atau membatalkan award di lampiran 12 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Walaupun responden mempunyai alamat perniagaannya di Petaling Jaya, ini hanyalah merupakan salah satu kriteria sahaja. Namun demikian responden telah mengakui dalam notis permohonan di lampiran 8 berkenaan bahawa fakta dalam kes ini berkaitan dengan Kuala Lumpur. Responden tidak akan diprejudiskan jika prosiding ini didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

[14] Saya berpendapat oleh kerana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Shah Alam berada di bawah Mahkamah Tinggi Malaya, maka Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mempunyai bidang kuasa mendengar permohonan yang telah difailkan oleh pemohon dan berikutnya permohonan yang difailkan oleh responden termasuk lampiran 8 ini (*Malacca Securities Sdn Bhd v Loke Yu* [1999] 6 MLJ 112; [1998] 3 CLJ 22**)**. Permohonan untuk memindahkan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam hanya akan melambatkan perlupusan prosiding. Responden juga tidak mengemukakan bukti bahawa pendengaran permohonan di Kuala Lumpur akan memprejudiskan responden. Oleh itu Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur boleh mendengar saman pemula ini dan dengan itu permohonan untuk pemindahan ditolak.

Lampiran 10 — Permohonan untuk mengetepikan dan/atau membatalkan perintah ex parte yang diberikan pada 19 Januari 2016

[15] Responden menyatakan bahawa saman pemula ex parte (lampiran 2) yang difailkan pemohon adalah terbatal memandangkan pemohon gagal untuk menyatakan di saman pemula berkenaan diisukan atas nama Yang Dipertuan Agong. Responden berhujah bahawa di bawah s 7(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 menyatakan seperti berikut:

> All writs, summons ... whether civil or criminal shall be issued and shall be expressed to be issued ... in the name of the Yang Dipertuan Agong ...

[16] Saya berpendapat alasan responden tersebut adalah remeh dan salah tanggapan kerana A 7 k 2 hanya memperuntukkan seperti berikut:

> 2. Borang saman pemula (A. 7 k. 2)
>
> (1) Tiap-tiap saman pemula hendaklah dalam Borang 5 atau 6 yang mana-mana sesuai.
>
> (1A) Tiap-tiap saman pemula hendaklah menyatakan dalam huraiannya mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini dan mana-mana peruntukan apa-apa undang-undang bertulis di bawah yang manakah Mahkamah sedang usulkan.

(2) ...

(3) Pihak yang membuat suatu saman pemula secara *ex parte* hendaklah diperihalkan sebagai pemohon.

[17] Kandungan Borang 6 pula adalah tanpa pernyataan yang didakwa oleh responden perlu ada. Di sini dipetik borang tersebut seperti berikut:

No. 6

SAMAN PEMULA EX PARTE (A. 7 k. 2)

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA/SABAH & SARAWAK

DI ...../MAHKAMAH SESYEN/MAJISTRET DI .....

S.P. No..... Tahun 20.....

Benarkan semua pihak yang berkenaan hadir di hadapan Hakim (atau Pendaftar) dalam Kamar pada hari ..... pada ..... hari bulan ..... 20....., pukul ..... pagi/petang, atas pendengaran suatu permohonan oleh .....yang .....

Bertarikh pada .....hari bulan ....., 20.....

(Meterai)

.....

Pendaftar

Saman ini diambil oleh ..... daripada ..... peguam bagi pemohon yang alamatnya ialah .....

[18] Saya berpendapat untuk mahkamah mengetepikan perintah penguatkuasaan award yang telah dibenarkan di bawah s 38 Akta, responden hendaklah membawa keterangan bahawa terdapat syarat atau syarat-syarat di bawah s 38 Akta telah tidak dipatuhi atau terdapatnya keadaan seperti yang diperuntukkan di bawah s 39 Akta. Berdasarkan seksyen tersebut mahkamah hanya boleh menolak permohonan untuk mengiktiraf dan menguatkuasakan award sekiranya memenuhi alasan-alasan yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan s 39 Akta. Saya petik s 39 Akta seperti berikut:

(1) *Recognition or enforcement* of an award, irrespective of the State in which it was made, *may be refused only* at the request of the party against whom it is invoked —

(a) where that party provides to the High Court proof that —

(i) a party to the arbitration agreement was under any incapacity;

(ii) the arbitration agreement is not valid under the law to which the parties have subjected it, or, failing any indication thereon, under

A the laws of the State where the award was made;

(iii) the party making the application was not given proper notice of the appointment of an arbitrator or of the arbitral proceedings or was otherwise unable to present that party's case;

B (iv) the award deals with a dispute not contemplated by or not falling within the terms of the submission to arbitration;

(v) subject to subsection (3), the award contains decisions on matters beyond the scope of the submission to arbitration;

C (vi) the composition of the arbitral tribunal or the arbitral procedure was not in accordance with the agreement of the parties, unless such agreement was in conflict with a provision of this Act from which the parties cannot derogate, or, failing such agreement, was not in accordance with this Act; or

D (vii) the award has not yet become binding on the parties or has been set aside or suspended by a court of the country in which, or under the law of which, that award was made; or

(b) if the High Court finds that —

E (i) the subject-matter of the dispute is not capable of settlement by arbitration under the laws of Malaysia; or

(ii) the award is in conflict with the public policy of Malaysia.

(2) If an application for setting aside or suspension of an award has been made to the High Court on the grounds referred to in subparagraph (1)*(a)*(vii), the High Court F may, if it considers it proper, adjourn its decision and may also, on the application of the party claiming recognition or enforcement of the award, order the other party to provide appropriate security.

(3) Where the decision on matters submitted to arbitration can be separated from those not so submitted, only that part of the award which contains decisions on G matters submitted to arbitration may be recognized and enforced.

[19] Berdasarkan penelitian afidavit responden, tiada satu pun alasan seperti yang disenaraikan dalam s 39 dinyatakan dan disokong oleh apa-apa H keterangan. Oleh itu mahkamah ini tiada alasan untuk mengetepikan perintah pengiktirafan dan penguatkuasaan yang telah diberi terdahulu yang telah memenuhi keperluan seperti yang diperuntukkan oleh s 38.

Lampiran 12 — Permohonan untuk mengetepikan dan/atau membatalkan I *award*

[20] Dalam afidavit menyokong permohon menyatakan alasan ringkas di perenggan 3 afidavit di lampiran 13 seperti berikut:

(a) terdapat isu undang-undang berkenaan bidang kuasa patut dibicarakan;

(b) terdapat isu undang-undang dalam kes ini;

(c) terdapat isu fakta dan undang-undang patut dibicarakan;

[21] Dalam hujahan bertulisnya peguam responden menyatakan bahawa award yang diberikan adalah salah di sisi undang-undang kerana ianya diberikan berdasarkan kepada andaian dan anggapan. Segala terma dan syarat-syarat dalam kontrak berkenaan tidak dikemukakan kepada responden dan sebahagiannya tidak ditandatangan atau dimeterai oleh pihak-pihak.

[22] Pemohon berhujah bahawa undang-undang adalah jelas berkenaan permohonan untuk mengetepikan dan/atau membatalkan award berkenaan seharusnya difailkan di mahkamah di tempat timbang tara dijalankan. Responden sepatutnya memfailkan permohonan berkenaan di mahkamah di United Kingdom memandangkan tempat timbang tara dijalankan ialah di England.

[23] Saya berpendapat mahkamah ini tidak perlu meneliti alasan selain daripada mempertimbangkan sama ada mahkamah ini adalah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan untuk mengetepikan award timbang tara yang tempatnya (*the seat of arbitration*) bukan di Malaysia tetapi di negara asing iaitu England, United Kingdom. Isu ini telahpun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa permohonan untuk mengetepikan award timbang tara hendaklah difailkan di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa penyeliaan di tempat prosiding timbang tara dijalankan. Pandangan ini telah dinyatakan dalam penghakiman Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman Richard Malanjum HB (Sabah dan Sarawak) dalam kes *The Government of India v Cairn Energy India Pty Ltd & Anor* [2011] 6 MLJ 441; [2012] 3 CLJ 423 *di perenggan 23, 24 dan 25 penghakiman seperti berikut:*

> [23] We are inclined to agree with the contention of the respondents. Our courts had in a prior occasion taken the view that the seat of the arbitration is the place where challenges to an award are made. In *Lombard Commodities Ltd v Alami Vegetable Oil Products Sdn Bhd* [2010] 2 MLJ 23; [2010] 1 CLJ 137, this court referred to the English case of *A v B* [2007] 1 Lloyd's Rep 237 which decided that challenges are to be made at the courts of the seat of arbitration. Thus, for now we find no reason to depart from the current position of the law.
>
> [24] Indeed in *C v D* [2007] EWCA Civ 1282 ; [2007] All ER (D) 61 Longmore LJ at para 17 said this:
>
> > It follows from this that a choice of seat for the arbitration must be a choice of forum for remedies seeking to attack the award. As the judge said in para 27 of his judgment, as a matter of construction of the insurance contract with its reference to the English statutory law of arbitration, the parties incorporated the framework of the 1996 Act. *He added that their agreement on the seat and the*

'curial law' necessarily meant that any challenges to any award had to be only those permitted by that Act. In so holding he was following the decisions of Colman J in *A v B* [2006] EWHC 2006 (Comm); [2007] 1 All ER (Comm) 591; [2007] 1 Lloyd's Rep 237 and *A v B (No 2)* [2007] EWHC 54 (Comm); [2007] 1 All ER (Comm) 633; [2007] 1 Lloyd's Rep 358 in the first of which that learned judge said (para 111):

> An agreement as to the seat of an arbitration is analogous to an exclusive jurisdiction clause. *Any claim for a remedy going to the existence or scope of the arbitrator's jurisdiction or as to the validity of an existing interim or final award is agreed to be made only in the courts of the place designated as the seat of the arbitration.*

That is, in my view, a correct statement of the law ...

[25] It is therefore clear that the English Court of Appeal clearly sets out that the curial law ought to be that of the seat of arbitration. As stated above, our courts have adopted a similar position. Thus, in this case as Kuala Lumpur was selected as the juridical seat of arbitration, the curial law is the laws of Malaysia and we so hold. *And we would add that it is vital for parties to follow the mandatory rules of the seat of arbitration since the application of such mandatory procedural rules (curial law) of the seat will remain subject to the jurisdiction and control of the courts of the seat of the arbitration including when considering applications to set aside awards.* We are therefore not persuaded that the decisions of the Indian Supreme Court should be applied.

(Penekanan ditambah.)

[24] Berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam *The Government of India v Cairn Energy* permohonan untuk mengetepikan Award dalam kes ini adalah sepatutnya difailkan di England. Oleh kerana permohonan yang dibuat oleh responden adalah di Kuala Lumpur, Malaysia, bukan di England iaitu tempat di mana prosiding timbang tara dijalankan, maka mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut.

KESIMPULAN

[25] Oleh itu atas alasan-alasan yang telah dibincangkan di atas saya menolak ketiga-tiga permohonan responden dengan kos masing-masing sebanyak RM2,000 bagi lampiran 8, RM4,000 bagi lampiran 10 dan RM2,000 bagi lampiran 12.

Ketiga-tiga permohonan responden ditolak dengan kos masing-masing sebanyak

RM2,000 bagi lampiran 8, RM4,000 bagi lampiran 10 dan RM2,000 bagi lampiran 12.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar